

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN (IPOH BARAT)

TARIKH : 27 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN M. KULASEGARAN minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan usaha dan rancangan yang akan diambil oleh kementerian pendidikan untuk menyelesaikan masalah kekurangan Guru Bahasa Tamil di Sekolah Menengah di mana terdapat lebih daripada 85 orang guru terlatih dari Universiti Perguruan Sultan Idris yang belum mendapat penempatan sejak tahun 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam memastikan pengisian guru di sekolah adalah berdasarkan kepada keperluan dan kekosongan jawatan mengikut opsyen yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan guru mengikut kelulusan norma perjawatan pada 13 Oktober 2021 menunjukkan keperluan guru mata pelajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah ialah seramai 624 orang. Buat masa ini, keperluan bagi guru opsyen Bahasa Tamil untuk sekolah menengah ini telah diisi sepenuhnya. Oleh yang demikian, KPM tidak mempunyai perancangan untuk melantik guru opsyen Bahasa Tamil yang baharu.